Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur



KEBAKARAN membabitkan lima rumah di Tingkat 17, Blok 70, Flat Sri Sabah di ibu kota.

LIMA RUMAH DI FLAT SRI SABAH TERBAKAR

BOMBA BERDEPAN KESUKARAN PADAM API

Operasi memadam kebakaran kebakaran di tingkat 17, Blok 70 Flat Sri Sabah, Cheras di sini malam kelmarin berdepan cabaran kepada anggota bomba apabila sistem pencegahan kebakaran tidak berfungsi dengan baik.

Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Nordin Pauzi berkata, bangunan pangsapuri itu mempunyai sistem berkenaan namun kegagalannya berfungsi menyebabkan pasukan terpaksa mengepam air dari bawah.

"Kita gunakan pam di tingkat 16, jadi apabila pam dan air mencukupi, maka tekanan air lebih baik di atas dan kerja pemadaman dapat dijalankan," katanya ketika ditemui di lokasi.

Nordin berkata, 55 pegawai dan anggota bomba bersama enam jentera dibantu 39 anggota daripada agensi lain terbabit dengan kerja menyelamat dan memadamkan kebakaran selepas menerima panggilan kecemasan pada 9.19 malam.

"Kebakaran berlaku di tingkat 17 membabitkan sayap kanan yang mempunyai enam rumah, tetapi hanya lima rumah terbakar manakala rumah di hujung sebelah tangga terselamat," katanya punca kebakaran masih dalam siasatan dan tiada mangsa yang dilaporkan cedera.

Katanya, berdasarkan corak kebakaran, kawasan paling banyak kesan (api) adalah rumah ketiga, tetapi punca sebenar (kebakaran) akan dikenal pasti.

"Kita percaya kebakaran merebak dari rumah tengah (rumah ketiga) ke rumah kedua di dua-dua sisi (kiri kanan dari rumah ketiga)," katanya.

Menurutnya, didapati dua daripada enam rumah di sayap kanan bangunan itu kosong manakala ada penghuni yang tiada di rumah, selain ada rumah berpenghuni.

"Semua penghuni yang menjadi mangsa dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau turut memaklumkan semua penghuni Blok 70 dibenar pulang ke rumah masing-masing jam 2 pagi, namun dijangka berdepan gangguan elektrik dan air.

Dalam pada itu, tindakan penduduk meletakkan kenderaan di bahu jalan berhampiran Flat Sri Sabah, Cheras di sini, menyukarkan pasukan bomba dan penyelamat untuk memadam kebakaran.

Bomba meminta bantuan trak tunda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengeluarkan kenderaan, sekali gus membuka laluan untuk kemasukan jentera bomba.

"Kita gunakan pam di tingkat 16, jadi apabila pam dan air mencukupi, maka tekanan air lebih baik di atas dan kerja pemadaman dapat dijalankan"

ANGGOTA bomba berehat selepas melakukan kerja pemadaman.

SEMUA penghuni Blok 70 dibenar pulang ke rumah jam 2 pagi.

PENDUDUK berkumpul di kawasan lapang atas faktor keselamatan.

Kediaman dihuni sejak kecil musnah

Kuala Lumpur: Sambutan Tahun Baharu Cina bertukar duka bagi seorang jurujual apabila rumah di Blok 70, Flat Sri Sabah, Cheras di sini, yang didiami sejak kecil musnah dalam kebakaran yang turut memusnahkan lima unit kediaman lain malam kelmarin.

Lebih memilukan apabila usaha Loo Choon Ming, 39, memadamkan kebakaran dipercayai bermula dari rumah jirannya gagal berikutan pili bomba di tingkat 17 blok terbabit dikatakan gagal berfungsi.

Choon Ming berkata, ketika kejadian jam 8 malam itu hanya dia dan ibunya berusia 62 tahun berada di rumah dan mereka sedang menonton televisyen.

"Pada mulanya, saya hanya nampak sedikit kepulan asap. Namun kepulan asap itu semakin banyak menyebabkan saya bergegas ke luar rumah melihat apa yang berlaku. Saya kemudian melihat api dan pergi ke rumah jiran sebelah untuk bantu padamkan api. ami cuba padamkan api 20 minit dengan menjirus air namun gagal sebelum menghubungi bomba," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Melihat api semakin marak, Choon Ming dan ibunya menyelamatkan diri dengan turun melalui tangga sehingga tingkat 15 sebelum menaiki lif ke tingkat bawah.

"Kami cuba padamkan api 20 minit dengan menjirus air namun gagal sebelum menghubungi bomba"

"Apa yang saya kesalkan pili bombadi tingkat ini tidak berfungsi menyebabkan kami (bersama jiran) tidak dapat memadamkan kebakaran itu pada peringkat awal.

"Saya percaya kebakaran bermula dari rumah jiran terletak sebelah tangga jam 7 malam," katanya yang memaklumkan tidak mendengar sebarang bunyi letupan dalam kejadian berkenaan.

Katanya, kebakaran itu menyebabkan rumahnya musnah sepenuhnya.

"Tiada barang dapat diselamatkan, semuanya musnah. Nasib baik, saya dan ibu tidak cedera," katanya.

Sementara itu, penduduk blok berkenaan mendakwa ada orang bermain mercun sebelum kebakaran berlaku.

Nurul Adirah Mohd Roslan, 26, yang tinggal di tingkat tujuh berkata, dia sedang berehat di hadapan rumah bersama suami dan ibu mentuanya apabila mendengar bunyi letupan mercun.

"Pada jam 9.15 malam, ketika kami bersembang di luar rumah, terdengar bunyi letupan yang saya percaya ia bunyi mercun atau bunga api dari tingkat atas.

"Kira-kira 30 minit kemudian, keadaan jadi kecoh dan bomba tiba di lokasi. Kami sekeluarga bergegas turun menyelamatkan diri," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penghuni blok itu, Reduan Md Yusof, 45, berkata, dia dan isterinya sedang bersiap untuk tidur apabila berlaku kekecohan dan jeritan jiran memaksa mereka berdua keluar.

"Kami berdua sahaja di rumah...tengah siap-siap untuk tidur. Dengar bunyi bising jiran, jadi kami bergegas turun," katanya.